

06 DEC 2001

Mahathir-Tol

DR MAHATHIR PERTAHANKAN KENAIKAN KADAR TOL

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempertahankan kenaikan 10 peratus kadar tol di lebuhraya dengan berkata ia merupakan satu kenaikan kecil berbanding pelbagai faedah istimewa yang ditawarkan dalam Belanjawan 2002.

Semakin besar perbelanjaan kerajaan untuk bonus dan kenaikan gaji bagi kakitangan kerajaan, kehilangan pendapatan daripada cukai kecil dan faedah lain yang dijanjikan bagi belanjawan tahun depan, adalah lebih tinggi, berbanding apa yang perlu belanjakan orang ramai terhadap lebuhraya dan jalan, katanya.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai kenaikan kadar tol yang akan berkuatkuasa 1 Jan depan seperti yang diumumkan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu semalam.

Semasa bercakap pada satu persidangan berita selepas membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (2002) di Parlimen di sini, Perdana Menteri berkata jika tidak kerana kerajaan memberikan subsidi tol, pengguna lebuhraya sebenarnya perlu membayar 30 peratus kenaikan kadar tol.

"Syarikat ini rugi bukan untung. Kita beri subsidi bukan untuk syarikat tetapi supaya tol dapat dikurangkan," katanya.

Beliau menarik perhatian bahawa kadar tol di Malaysia merupakan antara yang terendah di dunia.

Tambahan pula, pemandu tidak perlu membayar tol jika mereka tidak menggunakan keseluruhan laluan di lebuhraya tertentu, seperti Lingkaran Tengah dan Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP).

Malahan banyak lebuhraya di Malaysia adalah bebas tol, kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

"Itupun orang ramai masih lagi bersungut. Jika kita mahukan barang yang baik bagi kegunaan kita, kita patut sedia membayar lebih.

"Kita tidak menggunakan lebuhraya setiap hari. Tidak sehingga beratus-ratus batu. Kita hanya menggunakannya sedikit dan kenaikan kadar itu hanya minimal," katanya.

Ditanya sama ada terdapat pilihan lain supaya kenaikan kadar tol itu tidak perlu ditanggung pengguna, Dr Mahathir secara berseloroh berkata jika lebuhraya ditutup, pengguna jalan raya terpaksa menghabiskan lebih masa dan wang melalui jalan biasa.

-- BERNAMA

MAD YBY RON